

22 MAR 1996

PELAJAR PERAK SUMBANG LEBIH RM250,000 UNTUK BOSNIA

IPOH, 22 Mac (Bernama) -- Pelajar dan guru dari seluruh Perak berjaya mengumpul derma berjumlah RM278,778.13 bagi Tabung Pendidikan Bosnia.

Pengarah Pendidikan Negeri Datuk Abdul Rahim Abdul Majid berkata sumbangan itu membuktikan kepekaan pelajar dan guru negeri ini terhadap kesengsaraan pelajar dan guru di Bosnia-Herzegovina dalam menghadapi suasana peperangan.

"Derma ini dikutip dari sembilan daerah di negeri ini dengan daerah Kinta menyumbang paling banyak RM91,303.87," katanya kepada pemberita selepas upacara penyerahan sumbangan itu daripada pegawai-pegawai pendidikan daerah di Pejabat Pendidikan Negeri di sini, hari ini.

Kutipan bagi negeri ini melebihi matlamat asal RM200,000, katanya.

Katanya, kutipan derma berkenaan akan diserahkan kepada Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum majlis penyerahan sumbangan pelajar dan guru sekolah seluruh negara diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 April ini di Kuala Lumpur. -- BERNAMA

RAZ CR